

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]
TARIKH : 25 MEI 2016
SOALAN :

YB Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah bidang kuasa bagi Majlis Perubatan Tradisional dan Kontemporari dan aktiviti yang dijalankan untuk mengawalselia amalan dan pengamal perubatan tradisional di Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Akta PT&K 2016 [Akta 775] telah diwartakan pada 10 Mac 2016 dan Kementerian ini sedang melakukan persediaan yang sewajarnya untuk tujuan penguatkuasaan Akta ini. Untuk makluman Ahli Dewan semua, Akta 775 bertujuan untuk mengawalselia amalan dan pengamal PT&K di Malaysia serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Akta ini memberi peruntukan bagi penubuhan Majlis PT&K yang akan menetapkan kelayakan PT&K yang diiktiraf serta kriteria pendaftaran sebagai pengamal PT&K.

Seksyen 5, Akta 775 telah memperuntukkan fungsi dan kuasa bagi Majlis PT&K. Antara bidang kuasa Majlis PT&K termasuk memberi nasihat kepada Kementerian berkenaan dasar negara yang berhubung dengan PT&K, mengiktiraf kursus-kursus PT&K yang ditawarkan oleh institusi pengajian di dalam dan luar negara, menentukan kriteria pendaftaran pengamal PT&K, mendaftar serta mengeluarkan sijil perakuan amalan kepada pengamal PT&K.

Apabila Akta 775 dikuatkuasakan kelak, mana-mana individu yang ingin mengamal atau menawarkan perkhidmatan PT&K adalah wajib untuk berdaftar dengan Majlis PT&K. Individu yang didapati mengamal dalam bidang amalan yang diiktiraf tanpa berdaftar dengan Majlis PT&K adalah menyalahi undang-undang dan boleh dikenakan tindakan perundangan.

Tuan Yang Dipertua,

Sementara menunggu Akta 775 untuk dikuatkuasakan, pihak Kementerian telah melantik lapan badan pengamal bagi mewakili enam bidang amalan utama yang telah dikenalpasti di bawah PT&K iaitu perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional India, perubatan tradisional Cina, pengubatan Islam, homeopati dan terapi komplementari. Badan pengamal yang telah dilantik ini akan menjalankan aktiviti swa-kawal (*self-regulation*) berdasarkan kod amalan dan kod etika yang telah dibangunkan oleh pihak Kementerian dan juga perlembagaan pertubuhan masing-masing.

Selain itu, pihak KKM juga mengadakan lawatan pendidikan secara berkala kepada pengamal PT&K dan memberikan penekanan terhadap kesedaran dan pemahaman pengamal kepada Akta 775 serta menjalankan aktiviti pemeriksaan dan siasatan ke atas aduan yang diterima. Dalam keadaan tertentu, laporan polis akan dibuat atas nasihat daripada Penasihat Undang-Undang.

Pihak Kementerian juga bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia dalam pemprosesan permit kerja untuk pengamal PT&K warga asing yang akan berkhidmat di Malaysia di mana pihak Kementerian memainkan peranan dalam memastikan pengamal yang berkenaan adalah berkelayakan dan berpengalaman dalam bidang amalan masing - masing.

Kementerian ini turut berkolaborasi dengan agensi kerajaan dan pihak swasta dalam mengadakan kempen kesedaran melalui jerayawara berbentuk pameran dan ceramah termasuk sesi temubual radio. Tujuan aktiviti promosi adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran orang awam agar lebih berhati-hati dan tidak mudah terpedaya dengan penipuan yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab serta memperkasakan pengguna supaya mereka mengetahui

hak-hak mereka sebagai seorang pelanggan dalam mendapat perkhidmatan PT&K yang selamat dan berkualiti.

Usaha membawa kesedaran kepada masyarakat turut dibantu oleh Pejabat Cawangan PT&K. Sehingga hari ini, pihak Kementerian telah menubuhkan enam Pejabat Cawangan PT&K Negeri yang meliputi Zon Tengah (Perak), Zon Pantai Timur (Terengganu), Zon Utara (Pulau Pinang), Zon Selatan (Johor), Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang Dipertua,

Akta 775 akan dikuatkuasakan tidak lama lagi. Kementerian ini berharap penguatkuasaan Akta 775 dapat meningkatkan profesionalisme pengamal selain dapat memastikan perkhidmatan PT&K di Malaysia adalah berkualiti, selamat dan berkesan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS
MOJIGOH [PUTATAN]**

TARIKH : 25.5.2016

SOALAN : 46

**Y.B. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI
PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-**

(a) sebab utama mengapakah pihak Universiti Awam seperti UiTM terus membenarkan kampus mereka digunakan bagi menganjurkan seminar-seminar atau ceramah yang boleh mengganggu-gugat kerharmonian kaum di Malaysia; dan

(b) apakah peranan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi dalam mempromosikan dan penjagaan keharmonian kaum di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah memberi status autonomi kepada Universiti Awam (UA) untuk mempertingkatkan daya saing UA negara menjadi antara institusi terbaik di dunia. Autonomi merupakan penurunan kuasa daripada agensi pusat dan pihak KPT kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam menentukan sesuatu keputusan dengan matlamat untuk membolehkan UA bergerak secara berkesan demi mencapai agenda kecemerlangan. Empat bidang yang diberikan autonomi adalah institusi governan, kewangan dan penjana pendapatan, sumber manusia serta akademik dan kemasukan pelajar.

UiTM telah diberi kuasa untuk menguruskan kawasan kampus, bangunan dan fasiliti universiti sebagaimana peruntukan dalam Akta Universiti Teknologi MARA 1976. Justeru, sebarang penggunaan kemudahan UiTM adalah tertakluk kepada peraturan dan polisi yang ditetapkan oleh UiTM.

KPT menghormati autonomi yang telah diberikan kepada UA bagi menganjurkan program seminar atau ceramah. Walau bagaimanapun, setiap UA haruslah berhati-hati dan memastikan bahawa program yang dianjurkan tersebut benar-benar menepati matlamat perbincangan akademik, memberi pandangan yang seimbang, menyokong sifat keterbukaan serta saling menghormati dan yang paling utama, tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

KPT mempromosikan dan menjaga keharmonian kaum di Malaysia melalui pelaksanaan Mata Pelajaran Umum (MPU) di Institusi Pendidikan Tinggi seluruh Malaysia. MPU telah mewajibkan subjek Hubungan Etnik dan Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) bagi warganegara supaya elemen-elemen jati diri dan patriotisme dalam mahasiswa dapat diterapkan. MPU turut merangkumi kursus-kursus yang membantu pembinaan negara bangsa melalui "*Community Engagement*" dan aktiviti kemasyarakatan melalui program kokurikulum berkredit.

Selain itu, terdapat pelbagai aktiviti/program yang dijalankan di UA dan Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bagi mempromosikan keharmonian kaum. Melalui teras kesukarelawan dan khidmat komuniti, program-program seperti Hari Perpaduan, Sanggar Budaya, 1World Culture, University Community Engagement dan Seminar Kesukarelawan turut diadakan oleh UA/IPTS masing-masing.